



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 JULAI 2017 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- Duit raya 'modal' berjoli

muka depan

Sinar Harian

- Klik

21



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 21 JULAI 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Duit raya 'modal' berjoli
Muka Surat	Muka surat depan

REAKSI

URUS WANG LEBIH BERKESAN



"ISU ponteng sekolah dengan menghabiskan masa ke pusat siber sudah lama berlarutan. Kuasa pihak sekolah mengawal pelajarinya juga terhad dan memerlukan kerjasama masyarakat untuk sama-sama memastikan gejala ini tidak berlarutan dan membawa mudarat.

MOHAMED SAUFI DAHLAN,
Peniaga



"IBU BAPA perlu memastikan duit raya yang diterima anak-anak dapat disimpan dan dimanfaatkan untuk kebaikan. Dalam usia ini, mereka biasanya memikirkan wang itu diguna hanya untuk tujuan keseronokan termasuk mengunjungi kafe siber.

MOHD. FAIZ ABDUL JALIL
Pekerja swasta



"SUDAH tiba masanya pihak berwajib memandang isu ini secara lebih serius. Operasi kafe siber tanpa kawalan hanya membawa mudarat kepada golongan yang menjadi harapan kepada agama, bangsa dan negara.

Duit raya 'modal' berjoli

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN, FAUZI SUHAIMI dan AMIRUL AIMAN ANUAR
 kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 JULAI

SKUAD TERJAH



KAFE siber sekitar ibu kota kembali 'sibuk' sebaik sahaja bulan Ramadan melabuhkan tirai dan memasuki Syawal. Tinjauan *Skuad Terjah* sekitar Taman Kosas, Ampang dan Cheras, Kuala Lumpur sepanjang tiga minggu Syawal mendapati hampir 45 peratus kafe siber dikunjungi mereka yang di bawah umur.

Lagak mereka bagaikan 'orang kaya' kerana masing-masing mempunyai wang saku sendiri selepas menerima duit raya daripada ibu bapa dan saudara mara.

Skuad Terjah difahamkan mereka menghabiskan masa antara tiga hingga lapan jam dengan memperuntukkan kira-kira RM10 hingga RM50 sehari untuk melayari internet.

Berdasarkan pemerhatian, seawal pukul 8 pagi sekumpulan pelajar yang memakai t-shirt dan masih mengenakan seluar sekolah tanpa segan silu dilihat berlegar-legar di kawasan kafe siber berhampiran.

Sebaik pintu dibuka, masing-masing bagaikan tidak sabar untuk memasuki premis yang seolah-olah menjanjikan seribu macam keseronokan itu.

Lebih mengejutkan beberapa murid sekolah rendah turut dilihat memasuki salah sebuah kafe siber.

Skuad Terjah difahamkan, kunjungan golongan bawah umur itu didapati meningkat setiap kali selepas Hari Raya Aidilfitri.

Kegagalan sebahagian ibu bapa memantau dan menguruskan 'duit raya' anak-anak menyebabkan mereka menghabiskan dengan mengunjungi kafe siber berhampiran.

SEKUMPULAN pelajar sekolah dilihat berkumpul di hadapan sebuah kafe siber di Cheras, Kuala Lumpur.

SEORANG pelajar asyik bermain permainan atas talian di sebuah kafe siber di Taman Kosas, Ampang baru-baru ini.

SEORANG pelajar yang hanya mengenakan t-shirt memasuki kafe siber tanpa rasa bersalah.

Masyarakat jadi mata, telinga -Jawi

KUALA LUMPUR 20 Julai - Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) menyeru agar masyarakat yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan aktiviti judi dalam kalangan bawah umur tampil memberi maklumat.

Pegawai Perhubungan Awam Jawi, Nadia Zamri Md. Nasir berkata, kerjasama antara masyarakat sekeliling dengan menyalurkan maklumat berkaitan dapat membantu agensi berkenaan menangani isu sosial yang menjadi barah dalam kalangan warga kota.

Katanya, setakat tahun ini belum ada sebarang tangkapan atau penahanan kaki judi dalam kalangan umat Islam di bawah umur terutamanya dalam kelompok pelajar sekolah yang terlibat.

"Namun demikian, jika ada aduan berhubung penglibatan mereka yang dipercayai ponteng

Hotline Jawi di 1-800-88-1771.

"Pengadu juga boleh berbuat demikian dengan cara yang sama melalui email pengadu-kuasa@jawi.gov.my atau hadir untuk aduan bertulis dengan menyertakan maklumat aduan yang lengkap untuk tindakan" katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas penglibatan pelajar bawah umur dalam perjudian dan ponteng sekolah.

Menurut Nadia, tanpa maklumat dari orang awam berperan sebagai 'mata-mata', serta kelikatan premis yang berselindung disebalik perniagaan lain menyukarkan kegiatan itu dikesan pihak berkuasa.

"Oleh itu, saluran maklumat masyarakat yang prihatin amat digalakkan bagi menyelamatkan anak-anak bawah umur daripada terus terjerumus dalam kancas sosial yang lebih besar



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 21 JULAI 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Klik
Muka Surat	21

